

13/08/1999

Lawatan ke China, Russia mulai 15 Ogos

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan lawatan kerja ke China serta dua wilayah autonomi Persekutuan Russia, Khabarovsk dan Buryatia, mulai 15 hingga 22 Ogos ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata selain mengeratkan lagi hubungan diplomatik, lawatan ke China dijangka menghasilkan lebih banyak projek usahasama antara kedua-dua negara, termasuk dalam bidang automobil.

Katanya, antara usahasama yang akan dibincangkan ialah mengenai pembukaan kilang Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) di sebuah wilayah di negara itu.

"China pula berminat memulakan kilang kertas dan pulpa di Sabah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan 'Hala Tuju Antarabangsa Malaysia di Alaf Baru,' di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), di sini hari ini.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melawat China atas undangan rasmi Perdana Menteri China, Zhu Rongji, sempena ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Perdana Menteri juga akan melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Jiang Zemin dan pertemuan rasmi dengan Rongji bagi berbincang dan bertukar pendapat mengenai isu dua hala, khususnya perdagangan dan pelaburan.

Syed Hamid berkata, isu Kepulauan Spratly serta persetujuan China mematuhi kod tatacara laku serantau di Laut China Selatan adalah antara perkara yang akan dibincangkan selain isu 'Dasar Satu China' dan krisis ekonomi.

"Perbincangan ini penting bagi menjelaskan tiada perbalahan berlaku di kepulauan itu, sebaliknya hanya salah faham kecil mengenai hak sempadan yang dapat diselesaikan sendiri tanpa campurtangan asing.

"Persetujuan menjalankan kegiatan perikanan serta penggunaan laluan dagangan laut di kawasan itu juga akan dikemas kini," katanya.

(END)